



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KOMPETENSI GURU DALAM MENERAPKAN ELEMEN NILAI ISLAMI DALAM KURIKULUM KADET REMAJA SEKOLAH (KRS)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NASARUDIN BIN AHAMAD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



KOMPETENSI GURU DALAM MENERAPKAN ELEMEN NILAI ISLAMI DALAM
KURIKULUM KADET REMAJA SEKOLAH (KRS)

NASARUDIN BIN AHAMAD



LAPORAN KERTAS PROJEK / DISERTASI / TESIS DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA
PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



PERAKUAN

UPS/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (v)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...28... (hari bulan)01..... (bulan) 20..23..

i. Perakuan pelajar :

Saya, NASARUDIN BIN AHAMAD, D2019108972, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KOMPETENSI GURU DALAM MENERAPKAN ELEMEN NILAI ISLAMI DALAM KURIKULUM KADET REMAJA SEKOLAH (KRS)

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. SAMSUDDIN BIN ABD HAMID (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KOMPETENSI GURU DALAM MENERAPKAN ELEMEN NILAI ISLAMI DALAM KURIKULUM KADET REMAJA SEKOLAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia

ptbupsi



PENGHARGAAN

Bismillahhiirrahmanirrahim

Syukur Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam di atas limpahan rahmat dan kurnia-Nya. Selawat dan salam ke hadrat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan para pengikut baginda. Alhamdulillah dengan izin dan kehendakNya kajian ini dapat diselesaikan setelah berdepan dengan pelbagai cabaran.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Ybrs Dr. Samsuddin bin Abd Hamid selaku Penyelia yang telah memberikan bimbingan, sokongan dan memberi tunjuk ajar dalam menyelesaikan pengajian ini. Sesungguhnya juga perhatian yang beliau berikan tak terhingga nilainya dan sangat berguna kepada saya dalam melaksanakan kertas projek ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada keluarga saya terutama sekali Ibu bapa saya yang sentiasa memberikan kata-kata semangat dan memberikan motivasi kepada saya untuk meneruskan pengajian sehingga ke titik akhir. Saya juga ingin mengucapkan jutaan penghargaan kepada adik beradik saya yang sentiasa membantu saya daripada sudut kebajikan sepanjang saya melaksanakan kertas projek ini.

Di samping itu juga, saya mengucapkan ribuan penghargaan kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang sentiasa membantu dalam melaksanakan kajian terutamanya daripada sudut idea dan maklumat untuk menyempurnakan kertas projek ini. Tanpa sahabat seperjuangan yang cakna kepada pergerakan kertas projek kemungkinan besar kertas projek sukar dilaksanakan.





ABSTRAK

Kokurikulum merupakan sebuah aktiviti yang dilaksanakan oleh sekolah selepas pembelajaran di waktu pagi dan mempunyai kurikulum tersendiri dalam pelaksanaannya yang berbeza dengan kurikulum persekolahan di waktu pagi terutamanya kurikulum Kadet Remaja Sekolah. Pelaksanaan Kajian ini adalah kerana kompetensi dilihat rendah dalam aspek perancangan kokurikulum. Kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka kompetensi guru dalam menerapkan elemen nilai Islami yang terdapat dalam kurikulum KRS melalui tiga aspek iaitu kognitif, kemahiran dan afektif guru. Kajian ini telah dijalankan di sekolah menengah terpilih di bahagian Betong, Sarawak. Seramai 9 orang Peserta Kajian dalam kalangan guru penyelaras KRS telah dipilih di 6 buah sekolah menengah terpilih di bahagian Betong, Sarawak. Kajian ini adalah kualitatif yang berbentuk temubual. Kajian ini juga mendapati keseluruhan Peserta Kajian menyedari akan elemen nilai Islami yang terdapat dalam kurikulum KRS dan ada juga Peserta Kajian sekadar mengetahui tanpa menghuraikan elemen nilai Islami dalam kurikulum KRS. Keseluruhan Peserta Kajian mendapati pelaksanaan elemen nilai Islami dalam kurikulum KRS perlu dilaksanakan walaupun di kelas pagi ada melaksanakan subjek Pendidikan Islam. Kesimpulannya, pelaksanaan kurikulum KRS yang mengandungi elemen nilai Islami wajar dilaksanakan dengan baik di sekolah agar mampu membentuk perkembangan pelajar yang lebih baik pada masa akan datang.





Teacher's Competence in Implementing Elements of Islamic Values in Kadet Remaja Sekolah Curriculum

ABSTRACT

Co-curriculum is an activity carried out by the school after learning in the morning. Co-curriculum has their own curriculum in its implementation. Curriculum in co-curriculum is different from the school curriculum in the morning especially in Kadet Remaja Sekolah. The implementation of this research is because competence of teachers seen as low in the aspect of co-curricular planning. This research was conducted to explore the teacher competencies in applying elements of Islamic values found in the KRS curriculum through three aspects which is cognitive, skill, and affective of the teachers. This research was conducted in selected secondary schools in Betong, Sarawak. A total of 9 research participants among KRS coordinating teachers were selected in 6 secondary schools in Betong, Sarawak. This research method is qualitative in the form of interviews. This research also found out that all research participants are aware of the elements of Islamic values in KRS curriculum and some of them simply know without explaining the element of Islamic values in KRS curriculum. All of the research participants found that the implementation of elements of Islamic values in KRS curriculum needs to be implemented even though in the morning classes there is implements of the Islamic Education subject. In conclusion, the implementation of the KRS curriculum that's contains elements of Islamic values should be properly implemented in school to develop students in the future.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v-x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1-2
1.2 Latar Belakang Kajian	2-4
1.2.1 Penubuhan Kadet Remaja Sekolah	2-3



1.2.2	Matlamat Kadet Remaja Sekolah	3-4
1.3	Kurikulum Kadet Remaja Sekolah	5-10
1.3.1	Disiplin dan Kerohanian	5-8
1.3.1.1	Aspek Ketatanegaraan	5-6
1.3.1.2	Aspek Kerohanian	6
1.3.1.3	Aspek Pengurusan Diri dan Gaya Diri	7
1.3.1.4	Aspek Pendidikan Moral	8
1.3.2	Ketahanan Diri dan Kebudayaan	9
1.3.3	Khidmas Masyarakat – KHIDMAS	9
1.3.4	Alam Sekitar	10
1.3.5	Keusahawanan	10
1.4	Pernyataan Masalah	11-12
1.5	Persoalan Kajian	12
1.6	Objektif Kajian	12
1.7	Kepentingan Kajian	13
1.8	Batasan Kajian	14
1.9	Definisi Istilah	14
1.10	Kesimpulan	15



BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	16-17
2.2	Pelaksanaan Kokurikulum Unit Beruniform	17-18
2.3	Elemen Nilai Islami dalam Kadet Remaja Sekolah	18-19
2.4	Tahap Kompetensi Guru dalam Kokurikulum	20-23
	2.4.1 Kompetensi Kognitif	20
	2.4.2 Kompetensi Kemahiran	21-22
	2.4.3 Kompetensi Afektif	22-23
2.5	Perkembangan terhadap Kompetensi Guru	23-25
2.6	Kerangka Konsep Kajian	25
2.7	Kesimpulan	26



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	27
3.2	Reka Bentuk Kajian	27-28
	3.2.1 Kajian Kualitatif	27-28
3.3	Sampel Kajian	28-29
3.4	Instrumen Kajian	29-30
	3.4.1 Temubual	29-30
3.5	Kesahan Soalan	30-31



3.5.1 Kesan Lokasi	31
3.5.2 Kesan Tumpuan	31
3.6 Prosedur Kajian	31-32
3.7 Analisis Data	32
3.8 Kesimpulan	33

BAB 4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan	34
4.2 Profil Peserta Kajian	34-37
4.3 Pengetahuan Berkenaan Kurikulum KRS	38-63
4.3.1 Pengetahuan secara umum Kurikulum KRS	39-45
4.3.2 Pengetahuan tentang Elemen Nilai Islami	46-52
4.3.3 Penerimaan Pelajar Terhadap Nilai Islami	52-58
4.3.4 Kefahaman tentang Falsafah KRS	58-63
4.4 Kemahiran dalam Kurikulum KRS	64-84
4.4.1 Pendekatan Dalam Mengajar Elemen Nilai Islami	65-70
4.4.2 Elemen Nilai Islami dalam Pembentukan Pelajar	71-75
4.4.3 Aktiviti dalam Pelaksanaan Elemen Nilai Islami	76-80
4.4.4 Kemampuan Guru Mengajar Elemen Nilai Islami	81-84

4.5	Persepsi Berkenaan Kurikulum KRS	85-104
4.5.1	Keperluan Melaksanakan Elemen Nilai Islami	86-90
4.5.2	Kredibiliti Guru Melaksanakan Elemen Nilai Islami	91-94
4.5.3	Tindakan Guru supaya Pelajar Konsisten	94-99
4.5.4	Elemen Nilai Islami kepada Pelajar berlaianan Agama	99-104
4.6	Kesimpulan	105

BAB 5 KESIMPULAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	106
5.2	Perbincangan	106-116
5.2.1	Pengetahuan Berkenaan Kurikulum KRS	107-111
5.2.1.1	Pengetahuan secara umum kurikulum KRS	107-108
5.2.1.2	Pengetahuan tentang Elemen Nilai Islami	109
5.2.1.3	Penerimaan Pelajar terhadap Nilai Islami	109-110
5.2.1.3	Kefahaman tentang Falsafah KRS	111
5.2.2	Kemahiran Dalam Kurikulum KRS	111-114
5.2.2.1	Pendekatan Dalam Mengajar Elemen Islami	112
5.2.2.2	Elemen Nilai Islami dalam Pembentukan Pelajar	113
5.2.2.3	Aktiviti dalam Pelaksanaan Elemen Nilai Islami	113

5.2.2.4 Kemampuan Guru Mengajar Elemen Nilai Islami	114
5.2.3 Persepsi berkenaan Kurikulum KRS	114-116
5.2.3.1 Keperluan Melaksanakan Elemen Nilai Islami	115
5.2.3.2 Kredibiliti Guru Melaksanakan Elemen Nilai Islami	115-116
5.2.3.3 Tindakan Guru supaya Pelajar Konsisten	116
5.2.3.4 Elemen Nilai Islami kepada Pelajar berlainan Agama	116
5.3 Implikasi Kajian	117
5.4 Cadangan Kajian untuk Masa Hadapan	118-119
5.5 Kesimpulan	119-120

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: <i>Aspek Ketatanegaraan</i>	5
Jadual 1.2: <i>Aspek Kerohanian</i>	6
Jadual 1.3: <i>Aspek Pengurusan dan Gaya Diri</i>	7
Jadual 1.4: <i>Aspek Pendidikan Moral</i>	8
Jadual 4.1: <i>Profil guru sebagai Peserta Kajian</i>	35
Jadual 4.2: <i>Transkrip Ringkas Bahagian B</i>	38
Jadual 4.3: <i>Transkrip Ringkas Bahagian C</i>	64
Jadual 4.4: <i>Transkrip Ringkas Bahagian D</i>	85



SENARAI RAJAH

Rajah 2.1: <i>Kerangka Konsep Kajian</i>	25
Rajah 3.1: <i>Prosedur Analisis Data</i>	32



**SENARAI SINGKATAN****KPM**

Kementerian Pendidikan Malaysia

KRS

Kadet Remaja Sekolah

PERWIRA

Persatuan Pelajar-pelajar Islam SMRA

KPIM

Kadet Putera Islam Malaysia

KRIS

Kadet Remaja Islam

FPK

Falsafah Pendidikan Kebangsaan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

GERKO

Gerak Kerja Kokurikulum

JERI

Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek

KHIDMAS

Khidmat Masyarakat

FPI

Falsafah Pendidikan Islam

PK

Peserta Kajian

SMK

Sekolah Menengah Kebangsaan





BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Aktiviti kokurikulum merupakan aktiviti yang wajib dilaksanakan di sekolah-sekolah di bawah pengawasan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kegiatan kokurikulum meliputi semua kegiatan di luar bilik darjah dan lanjutan kurikulum yang diajar di bilik darjah (Najib & Jamaliah, 2011). Malahan juga, kokurikulum ini merupakan aktiviti yang telah dirancang dan akan dibimbing oleh guru-guru yang telah dilantik supaya boleh dilaksanakan dengan baik dan teratur. Kurikulum juga merupakan sebahagian daripada kurikulum asas dalam sistem pendidikan Malaysia yang meliputi semua kegiatan luar bilik darjah (Norhidayati & Hussin, 2018). Menurut Najib dan Jamaliah (2011) konsep kegiatan kokurikulum adalah merupakan satu pengajaran yang praktik, mengajar pelajar apa yang tidak dapat di ajar semasa di dalam bilik darjah. Di dalam kokurikulum juga terdapat kurikulum yang menjadi penanda kepada pengisian aktiviti kokurikulum yang ingin dilaksanakan. Badan beruniform juga termasuk dalam salah satu pecahan aktiviti kokurikulum yang wujud di sekolah. Aktiviti unit beruniform berpecah kepada beberapa badan beruniform termasuklah Kadet Remaja Sekolah itu sendiri.

Di dalam kajian ini, akan memperlihatkan suatu kajian yang menjurus kepada intipati Elemen Nilai Islami yang terkandung di dalam kurikulum Kadet Remaja Sekolah khususnya. Di dalam kurikulum Kadet Remaja Sekolah mengandungi beberapa aspek yang dinilai namun aspek Elemen Nilai Islami merupakan sesuatu yang perlu di ambil perhatian kerana Elemen Nilai Islami ini tidak terdapat di dalam mana-mana Badan





Beruniform lain melainkan KRS ini. Uniknyanya disini juga, di dalam keahlian Kadet Remaja Sekolah juga dipelopori oleh pelbagai entiti pelajar yang berlatar belakang agama yang berbeza iaitu pelajar Islam dan juga pelajar yang bukan beragama menyebabkan kajian ini wajar dijalankan.

Jika dilihat di dalam kurikulum KRS itu sendiri Elemen Nilai Islami ini terletak pada bahagian induk pertama iaitu Disiplin dan Kerohanian serta di bawah pecahan aspek tersebut ditekankan dalam urutan yang kedua iaitu Kerohanian. Elemen Nilai Islami dalam KRS ini penting untuk dijadikan kajian kerana permulaan kepada penubuhan KRS itu sendiri adalah bermatlamatkan kemenjadian pelajar yang beriman dan beramal.

1.2 Latar Belakang Kajian



1.2.1 Penubuhan Kadet Remaja Sekolah (KRS)

Badan beruniform Kadet Remaja Sekolah (KRS) atau merupakan sebuah badan beruniform yang terlibat dalam menjayakan aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah. Kadet Remaja Sekolah telah ditubuhkan dan diasaskan oleh Encik Muhammad Thani bin Sh'aban di Sekolah Menengah Raja Abdullah, Jalan Kepong, Kuala Lumpur pada 27 Jun 1987 (Buku Panduan KRS dan TKRS, 1995) Pada permulaannya, pasukan badan beruniform ini dikenali sebagai Kadet Remaja Sekolah (KRS) yang merupakan pasukan beruniform kepada Persatuan Pelajar-pelajar Islam SMRA (PERWIRA). Keahliannya pada permulaannya adalah seramai 20 orang pelajar yang merangkumi pelajar tingkatan 1 dan 2 sahaja. Matlamat utama dalam penubuhan Kadet Remaja Sekolah (KRS) ini adalah untuk melahirkan pelajar cemerlang yang berilmu, beriman dan beramal, berakhlak





mulia, bersemangat patriotik dan berketrampilan selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. (Buku Panduan KRS dan TKRS, 1995).

Kadet Remaja Sekolah (KRS) atau nama lamanya iaitu Kadet Putera Islam Malaysia (KPIM) atau Kadet Remaja Islam (KRIS) ini bernaung di bawah pengawasan Unit Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan. bahkan setiap aktiviti yang akan dijalankan oleh KPIM akan berteraskan Islam sebagai cara kehidupan *Ad-Deen* (Buku Panduan KRS dan TKRS, 1995). Pada tahun 1989, beberapa buah sekolah di Wilayah Persekutuan telah mula menubuhkan KPIM. Antaranya ialah Sekolah Menengah Taman Tun Dr Imai di bawah pimpinan Ustaz Ahmad Farazila bin Abdul Ghani, Sekolah Menengah Agama Ma'ahad Hamidiah, Kajang, Selangor. Pada tahun 1993, sebanyak 53 buah Sekolah Menengah di seluruh negara telah menubuhkan KPIM. Penubuhan KPIM secara rasmi dan bernaung di Kementerian Pendidikan Malaysia ialah pada 10 Ogos 1993. Walau bagaimanapun, nama pasukan tersebut kemudiannya berubah kepada Kadet Remaja Sekolah (KRS). (Buku Panduan KRS dan TKRS, 1995)

1.2.2 Matlamat Kadet Remaja Sekolah (KRS) dalam aktiviti Kokurikulum

Kokurikulum adalah penting untuk merealisasikan konsep pengetahuan, pengalaman dan kemahiran merentasi kurikulum di mana kokurikulum merangkumi aktiviti pendidikan jasmani, seni dan rekreasi, aktiviti sains dan teknologi serta aktiviti kumpulan dan sosial (Roslee Talip *et al*, 2021). Keperluan ini dilihat selari dengan dasar pendidikan semasa yang menyasarkan keseimbangan antara bidang akademik dan bukan akademik. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), aktiviti kokurikulum berupaya memberi





peluang kepada murid untuk membina kekuatan jasmani, menguatkan keupayaan mental, membantu dalam kestabilan emosi dan seterusnya kepada kemantapan rohani dalam menerapkan nilai-nilai murni berlandaskan pegangan kepada agama yang dianuti. Kokurikulum juga dikenali sebagai gera kerja kokurikulum (GERKO) yang merupakan aktiviti pendidikan yang dirancang dan diperlaksanakan selepas waktu pelajaran formal di dalam dan di luar bilik darjah, berasas dan lanjutan pelajaran sesi persekolahan (Sheila Michael, 2019).

Selain itu jika merujuk badan beruniform Kadet Remaja Sekolah (KRS), pelajar adalah salah satu aset yang amat berharga dalam menentukan arah pembangunan pada masa akan datang. Dalam konteks Pendidikan Kebangsaan kegiatan kokurikulum merupakan satu program penting untuk membangunkan potensi murid-murid. Menurut Faiz & Jasni (2019), aktiviti kokurikulum yang hendak dijalankan mestilah mempunyai matlamat, objektif, kaedah pelaksanaan yang jelas dan turut mempunyai skema penilaian yang bersifat progresif dan pragmatis. Secara umumnya juga kegiatan kokurikulum yang sedia ada dapat membantu untuk membina disiplin pelajar bagi meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran. Malahan juga, bagi mengisi tuntutan Jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) maka penubuhan Kadet Remaja Sekolah (KRS) ini berpotensi dalam memenuhinya.

Penubuhan Kadet Remaja Sekolah (KRS) asasnya adalah membina generasi yang bersemangat patriotik yang cintakan agama, bangsa dan negara. Tunjang utama dalam penubuhan Kadet Remaja Sekolah (KRS) ini adalah agama Islam. Hal ini jika merujuk cogan kata KRS adalah bersandarkan Ilmu, Iman dan Amal. (Buku Panduan KRS dan TKRS, 1995)



1.3 Kurikulum Kadet Remaja Sekolah (KRS)

1.3.1 Disiplin dan Kerohanian

Aspek induk Disiplin dan Kerohanian terbahagi kepada 4 cabang aspek iaitu ketatanegaraan, kerohanian, pengurusan dan gaya diri, dan pendidikan moral bagi yang ahli yang bukan beragama Islam. Di dalam setiap bahagian akan merangkumi 3 tahap pengusahaan pelajar yang mewakili tahap 1 adalah pelajar tingkatan 1, tahap 2 mewakili pelajar tingkatan 2 dan 3 dan tahap 3 mewakili pelajar tingkatan 4 dan 5.

Jadual 1.1: *Aspek Ketatanegaraan*

1. KETATANEGARAAN		
Tahap 1- Tingkatan 1	Tahap 2 – Tingkatan 2&3	Tahap 3 – Tingkatan 4&5
a. Lambang Negara b. Bendera Malaysia c. Lagu Kebangsaan dan Negeri Berkenaan d. Lambang dan Bendera Negeri e. Rukun Negara f. Lagu-lagu Patriotik g. Lagu KRS h. Berlari sambal menyanyikan lagu larian KRS dan Langkah KRS	a. Jemaah Kabinet i. Nama dan Jawatan b. Sultan-Sultan ii. Nama-nama Sultan c. Memahami Falsafah Pendidikan Negara d. Memahami dan mengenali kebudayaan Melayu serta lain-lain kaum e. Lagu-lagu patriotik	a. Biodata Perdana Menteri i. Menulis Rencana ii. Syarahan b. Wawasan Perdana Menteri i. Esei ii. Syarahan c. Mengenali Institusi dan Peranannya i. Jabatan/ Majlis Agama Islam ii. Pusat Islam iii. Universiti Islam iv. Lembaga Urusan Tabung Haji v. Baitulmal vi. Persatuan Ulama d. Tokoh Ulama e. Tokoh Kemerdekaan f. Lagu Patriotik

Sumber: Buku Panduan KRS dan TKRS, 1995



1.3.1.1 Aspek Ketatanegaraan

Aspek Ketatanegaraan ini akan menyentuh soal kenegaraan dan berakhlak sebagai seorang warganegara yang patriotik. Dalam aspek ketatanegaraan mengandungi tiga tahap penilaian iaitu tahap 1 bagi pelajar tingkatan 1 yang menekankan tentang lambang kenegaraan, bendera Malaysia, lambang dan bendera negeri-negeri, rukun negara, lagu patriotik dan lagu KRS. Tahap 2 melibatkan pelajar tingkatan 2 dan 3 yang melibatkan pemahaman terhadap Jemaah Kabinet Menteri, nama-nama Sultan, Falsafah Pendidikan Negara, dan memahami kebudayaan kaum di Malaysia. Tahap 3 adalah melibatkan pelajar tingkatan 4 dan 5 yang menekankan tentang intipati yang agak mendalam seperti biodata Perdana Menteri, wawasan Perdana Menteri, mengenali Institusi keagamaan, mengenal tokoh ulama dan juga tokoh-tokoh kemerdekaan.



Jadual 1.2: Aspek Kerohanian



2. KEROHANIAN	
a. Kelas Fardhu Ain b. Bacaan Yaasin c. Marhaban dan Berzanji d. Usrah e. Tamrin f. Kursus Kefahaman Islam g. Hafalan doa-doa	h. Kebudayaan Islam i. Ceramah Agama j. Akhlak k. Kisah-kisah Sahabat Nabi SAW

Sumber: Buku Panduan KRS dan TKRS, 1995

1.3.1.2 Aspek Kerohanian

Aspek Kerohanian merupakan Elemen Nilai Islami yang menjadi punca kajian ini dilaksanakan. Elemen Nilai Islami tidak terdapat dalam mana-mana Badan Beruniform lain yang memiliki percampuran pelajar Islam dan bukan Islam.



Jadual 1.3: Aspek Pengurusan dan Gaya Diri

3. PENGURUSAN DAN GAYA DIRI		
Tahap 1- Tingkatan 1	Tahap 2 – Tingkatan 2&3	Tahap 3 – Tingkatan 4&5
a. Tanggungjawab terhadap diri dan keluarga i. Memelihara kesihatan tubuh badan ii. Penjagaan Keluarga b. Mengurus tempat kediaman i. Susun atur peralatan ii. Keselamatan di rumah c. Adab Bergaul i. Keluarga ii. Jiran Tetangga iii. Guru/rakan iv. Majlis rasmi v. Batas-batas pergaulan	a. Pemilihan pakaian i. Majlis Rasmi/formal ii. Majlis tidak rasmi/informal iii. Etika berpakaian dalam Islam b. Peranggu Meja i. Alatan Peranggu Meja ii. Sajian Tradisional iii. Sajian Cina iv. Sajian Barat v. Sajian ‘buffet’ c. Etika di meja makan i. Cara memegang pisau dan garpu ii. Cara meletakkan sudu, garpu, dan pisau selepas makan.	a. Tatatertib sebagai tetamu i. Adab sebagai tetamu ii. adab sebagai tuan rumah iii. adab semasa menghadiri jamuan makan iv. perkara-perkara yang perlu dielakkan semasa makan di majlis jamuan b. Etika makan secara Islam c. Adab makan di dalam pelbagai jenis jamuan i. Makan cara Melayu ii. Makan cara Barat iii. Makan cara Koktel iv. Makan cara buffet v. Makan di Kantin

Sumber: Buku Panduan KRS dan TKRS, 1995

1.3.1.3 Aspek Pengurusan dan Gaya Diri

Aspek Pengurusan dan Gaya Diri merupakan salah satu daripada cabang aspek yang wujud dalam Disiplin dan Kerohanian yang menerangkan tentang tanggungjawab dan pengurusan diri. Dalam aspek pengurusan dan gaya diri ini menyentuh perihal dalam etika pemakaian, etika dalam pemakanan dan beberapa lagi tatatertib yang merujuk kepada gaya hidup yang lebih teratur.

Jadual 1.4 *Aspek Pendidikan Moral*

4. PENDIDIKAN MORAL-Ahli bukan beragama Islam		
Tahap 1- Tingkatan 1	Tahap 2 – Tingkatan 2&3	Tahap 3 – Tingkatan 4&5
a. Buat baik dibalas baik b. Waspada sebelum kena c. Kesetiaan kepada negara d. Sahabat setia e. Teguran membina f. Balasan jujur g. Berakit-rakit h. Contohi labah-labah i. Kalau cermat tentu selamat j. Budi bahasa	a. Sultan Alaudin Riayat Shah b. Sesal kemudian tidak berguna c. Mengawal pemikiran, pertuturan dan perlakuan d. Etika perniagaan yang baik e. Pengorbanan kaum ibu f. Fikir sebelum bertindak g. Kebebasan dalam sistem demokrasi h. Pentingnya keselamatan jalan raya i. Biar lambat asalkan selamat j. Bukit sama didaki lurah sama dituruni	Penghayatan nilai-nilai murni murni tahap 1 & 2

Sumber: Buku Panduan KRS dan TKRS, 1995

1.3.1.4 Aspek Pendidikan Moral

Aspek yang terakhir dalam Disiplin dan Kerohanian adalah aspek Pendidikan Moral. Aspek Pendidikan Moral ini terkait dengan penerapan nilai-nilai moral kepada pelajar atau ahli KRS yang bukan beragama Islam. Fungsi aspek Pendidikan Moral ini juga menjadi elemen pengganti kepada penerapan Elemen Nilai Islami kepada pelajar yang bukan Islam. Di dalam aspek Pendidikan Moral ini pelajar bukan Islam akan di ajar untuk menjaga etika dengan lebih baik serta mereka juga di ajar menghayati nilai-nilai murni yang ada di dalam kehidupan seharian.

1.3.2 Ketahanan Diri dan Kebudayaan

Aspek induk yang kedua dalam kurikulum KRS pula adalah Ketahanan Diri dan Kebudayaan yang membawa pecahan aspek kawad kaki, perkhemahan, ikatan tali, kompas, ikhtiar hidup, komunikasi, teknik perjalanan, iklim, pertolongan cemas, kursus asas kebombaan, seni mempertahankan diri, kecergasan diri dan kebudayaan (Buku Panduan KRS dan TKRS, 1995). Setiap aspek pecahan yang ada dalam Ketahanan Diri dan Kebudayaan ini akan dinilai merujuk kepada tahap-tahap yang ada pada pelajar. Contohnya, tahap satu akan disesuaikan kepada kepada pelajar tingkatan 1, manakala tahap dua akan disesuaikan kepada pelajar tingkatan 2 dan 3 serta tahap tiga akan melibatkan pelajar tingkatan 4 dan 5.

1.3.3 Khidmat Masyarakat – KHIDMAS

Aspek induk yang ketiga iaitu Khidmat Masyarakat (KHIDMAS) ini merupakan aspek yang membantu dalam melahirkan generasi pelajar yang sanggup berbakti, tolong-menolong dan berlumba-lumba membuat amal kebaikan dan kebajikan dalam kehidupan seharian tanpa mengira agama, kaum dan etnik. Pecahan daripada aspek induk ini hanya berfokuskan kepada khidmat masyarakat seperti gotong-royong, lawatan ke rumah kebajikan, beramah mesra dengan masyarakat dan banyak lagi kegiatan kebajikan akan dilaksanakan melalui KHIDMAS ini (Buku Panduan KRS dan TKRS, 1995). Aspek KHIDMAS ini juga mampu mengukuhkan ikatan persaudaraan, kekeluargaan dan mengeratkan hubungan kemasyarakatan antara lapisan masyarakat. KHIDMAS ini juga akan melahirkan insan yang lebih prihatin terhadap tugas dan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat serta mengamalkan budaya simpati dan empati dalam kehidupan seharian.



1.3.4 Alam Sekitar

Aspek induk yang keempat ini pula adalah merupakan Alam Sekitar. Aspek induk hanya tertumpu pecahan kepada alam sekitar sahaja iaitu lebih memfokuskan kepada melahirkan insan yang sentiasa bersyukur dengan menghayati alam sekitar. Aspek Alam Sekitar ini juga mampu memupuk sikap prihatin sejagat terhadap sumbangan dan kepentingan alam sekitar dengan manusia sejagat. Dalam aspek ini juga mampu membina insan yang bertanggungjawab dengan memberi sumbangan ke arah memelihara alam sekitar sebagai khazanah tuhan kepada manusia. Di dalam aspek Alam Sekitar ini juga, pelajar akan dinilai kepada tiga tahap yang sama seperti aspek-aspek yang selainnya. (Buku Panduan KRS dan TKRS, 1995)



1.3.5 Keusahawanan

Aspek induk yang terakhir dalam kurikulum KRS adalah merujuk kepada aktiviti Keusahawanan. Aspek Keusahawanan ini mampu memupuk minat dalam kalangan generasi pelajar agar dapat mengembangkan kreativiti masing-masing dan sikap berjimat cermat serta membenci amalan membazir. Di samping itu, aspek Keusahawanan ini juga akan membina asas kemahiran berkaitan dengan pemasaran perniagaan (Buku Panduan KRS dan TKRS, 1995). Contohnya membina kemahiran reka cipta dengan menggunakan bahan-bahan terbuang seperti kayu, logam dan jerami sehingga dapat menghasilkan bahan kraftangan, hiasan, tulisan khat dan lain-lain. Dalam aspek Keusahawanan ini juga akan membantu dalam melahirkan generasi muda yang berwawasan sehingga dapat menjadikan keusahawanan sebagai satu cara hidup.





1.4 Pernyataan Masalah

Aktiviti kokurikulum merupakan satu aktiviti tambahan kepada pelajar dalam memantapkan kurikulum yang dijalankan di dalam kelas formal di dalam kelas. Dalam membuat perancangan aktiviti kokurikulum ini juga terdapat pelbagai perkara perkara yang boleh menghalang daripada jayanya pelaksanaan kokurikulum. Menurut kajian Sheila & Said Ambotang (2019), kompetensi guru adalah terendah dalam aspek perancangan terutamanya kelemahan untuk merancang aktiviti kokurikulum di sekolah. Malahan kompetensi guru dalam merancang setiap aktiviti dapat menentukan keberkesanan pelaksanaan kokurikulum di sekolah. (Roslee *et al*, 2021).

Selain itu, menurut Sheila & Ambotang (2019), pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah hanya memenuhi keperluan dan arahan pentadbir sekolah yang telah dirancang mengikut takwim sekolah. Malahan juga, pelaksanaan aktiviti kokurikulum ini kadangkala dibuat secara mengejut dan tanpa skema pelaksanaan seperti perancangan, pemantauan dan penilaian. Hal ini akan menjejaskan matlamat aktiviti kokurikulum terhadap murid dan sekolah. Menurut Afnan Faiz & Jasni Sulong (2019), aktiviti kokurikulum yang hendak dijalankan mestilah mempunyai matlamat, objektif, kaedah pelaksanaan yang jelas dan turut mempunyai skema penilaian yang bersifat progresif dan pragmatis. Justeru itu, aktiviti kokurikulum tersebut juga akan membawa kepada elemen yang terdapat dalam kurikulum seperti pengetahuan, nilai-nilai murni dan juga elemen Islamik terutamanya di dalam kurikulum Kadet Remaja Sekolah (KRS).

Latar belakang guru memberikan pengaruh ke atas pengurusan dan pelaksanaan kokurikulum di sekolah (Sheila & Ambotang, 2019). Menurut Sheila juga, wujud hubungan yang lemah di antara tahap pengetahuan guru dengan kebolehan mereka





merancang aktiviti kokurikulum di sekolah. Bahkan menurut kajian Sheila dan Ambotong, guru baharu telah mahir melakukan pengurusan aktiviti jika dibandingkan dengan guru lama. Masalah pengurusan kokurikulum timbul akibat tidak semua guru mempunyai kebolehan dan kebijaksanaan dalam merancang aktiviti kokurikulum (Roslee *et al*, 2021).

1.5 Persoalan Kajian

1. Sejauh manakah kompetensi guru dalam mengintegrasikan elemen nilai Islami dalam kurikulum KRS daripada aspek kognitif?
2. Sejauh manakah kompetensi guru mengintegrasikan elemen nilai Islami dalam kurikulum KRS daripada aspek kemahiran?
3. Sejauh manakah kompetensi guru dalam mengintegrasikan elemen nilai Islami dalam kurikulum KRS daripada aspek afektif?

1.6 Objektif Kajian

1. Meneroka kompetensi guru dalam mengintegrasikan elemen nilai Islami dalam kurikulum KRS daripada aspek kognitif.
2. Meneroka kompetensi guru mengintegrasikan elemen nilai Islami dalam kurikulum KRS daripada aspek kemahiran.
3. Meneroka kompetensi guru dalam mengintegrasikan elemen nilai Islami dalam kurikulum KRS daripada aspek Afektif





1.7 Kepentingan Kajian

a) Masyarakat dan Ibu bapa

Kajian ini dijalankan adalah untuk membuka mata masyarakat tentang kurikulum yang dilaksanakan di peringkat sekolah terutamanya dalam aktiviti kokurikulum ini. Hal ini kerana, masyarakat sering memandang mudah kepada sistem kokurikulum sekolah dan kadangkala tidak bertegas kepada anak-anak untuk mengikuti program kokurikulum di sekolah. Malahan juga, kajian ini akan sedikit sebanyak membuka mata masyarakat tentang pengajaran atau kurikulum yang diamalkan dalam Kadet Remaja Sekolah (KRS). Elemen yang terdapat dalam kurikulum KRS juga dapat membantu anak-anak mereka supaya terbentuk menjadi insan yang berguna. Tambahan pula, melalui pengetahuan tentang elemen pendidikan Islam di dalam kurikulum KRS, ibu bapa akan lebih meyakini program kokurikulum yang diadakan di sekolah.

b) Sekolah

Kajian ini akan memberikan manfaat kepada pihak sekolah dalam merangka dan merancang aktiviti kokurikulum dengan lebih baik dan sistematik. Selain itu, pihak sekolah dan guru pembimbing juga akan lebih cakna kepada kurikulum yang berada dalam aktiviti kokurikulum. Hal ini kerana, kewujudan isu pelaksanaan aktiviti yang hanya mengikut takwim dapat dihapuskan serta aktiviti yang dilaksanakan adalah lebih berkualiti.





1.8 Batasan Kajian

Kajian ini akan dilaksanakan secara kualitatif iaitu menggunakan kaedah temubual kepada guru penasihat Badan Beruniform Kadet Remaja Sekolah (KRS). Guru yang akan dipilih adalah berdasarkan daripada sekolah-sekolah yang berlainan.

1.9 Definisi Istilah

a) Kokurikulum

Kokurikulum adalah merujuk kepada aktiviti tambahan pelajar yang dilaksanakan selepas sahaja tamat pembelajaran di waktu pagi.

b) Kurikulum

Modul pembelajaran yang digunakan untuk pembelajaran pelajar. Pelaksanaan kurikulum adalah di waktu persekolahan atau waktu aktiviti kokurikulum.



c) Elemen

Sesuatu yang menjadi bahagian dalam unsur-unsur yang ada.

d) Nilai

Nilai adalah prinsip, kebajikan atau kualiti yang menjadi ciri seseorang, tindakan atau objek yang dianggap positif.

e) Islami

Islami adalah istilah umum yang merujuk kepada nilai keislaman.

f) Kompetensi

Kemampuan kerja setiap individu mencangkupi pengetahuan, perancangan dan persepsi





1.10 Kesimpulan

Kompetensi guru merupakan perkara yang utama dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum terutamanya dalam pelaksanaan kurikulum yang terdapat dalam KRS. Kompetensi guru ini boleh dilihat melalui tiga aspek iaitu daripada sudut kognitif guru, kemahiran guru serta afektif seseorang guru dalam berinteraksi dengan kurikulum terutamanya melibatkan elemen nilai Islami di dalam kurikulum KRS. Dalam kajian Sheila & Said (2019) mendapati kompetensi guru dilihat sangat rendah dalam aspek perancangan aktiviti kokurikulum di sekolah. Kelemahan dalam merancang aktiviti kokurikulum ini akan membawa kepada impak yang kurang baik terhadap matlamat dan keberkesanan kokurikulum tersebut kepada pelajar-pelajar di sekolah. Pengisian kokurikulum juga akan terbatas sekadar pengisian yang tidak menjamin kepada pembentukan individu yang pelajar yang lebih baik.

Secara ringkasnya, bab ini memberikan penjelasan tentang pelaksanaan yang ingin dijalankan. Bab ini dapat memberi justifikasi kajian yang berhubung dengan metodologi kajian yang dijalankan sekali gus menjelaskan aspek guru yang dikaji. Permasalahan kajian yang diperolehi juga telah menimbulkan beberapa persoalan kajian dan objektif kajian akan membimbing kajian yang dijalankan supaya berada di landasan yang menepati kajian. Bahkan, batasan kajian menjelaskan supaya pemilihan sampel, bahan, dan instrumen dapat difahami dengan jelas. Bab seterusnya akan membincangkan sorotan kajian yang berkaitan dengan konsep kajian, dan kepentingan kompetensi guru.

